



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil.5/2015**

### **MESYUARAT KHAS SURUHANJAYA PILIHAN RAYA BERKAITAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN UNDANGAN NEGERI N.06 CHEMPAKA, KELANTAN.**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada 15 Februari 2015 (Ahad) berhubung dengan kekosongan kerusi Bahagian Pilihan Raya DUN N.06 Chempaka, Kelantan berikutan kematian penyandanginya Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN), Yang Berhormat Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat pada 12 Februari 2015.

Sehubungan dengan itu, SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas untuk membincangkan semua perkara berkaitan pilihan raya kecil DUN N.06 Chempaka, Kelantan pada **18 Februari 2015 (Rabu), jam 10.00 pagi bertempat di Ibu Pejabat SPR, beralamat di Menara SPR, No.2, Jalan P2T, Presint 2, Putrajaya. Mesyuarat Khas itu akan dipengerusikan oleh Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Bin Mohd Yusof, Pengerusi SPR** yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting seperti tarikh kekosongan DUN N.06 Chempaka, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian Awal, Hari Pengundian Biasa, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya kecil itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya kecil itu. Selepas itu akan diikuti

dengan satu sidang media oleh Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Bin Mohd Yusof, Pengerusi SPR.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

.....t.t.....  
**(DATUK HAJI ABDUL GHANI BIN SALLEH)**

Setiausaha  
Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

**PUTRAJAYA**

Tarikh: 16 Februari 2015